

## KAJIAN AWAL KEPERLUAN INTEGRASI MATEMATIK DAN KONSEP MAQASID SYARIAH DALAM PENGAJARAN MATEMATIK PERINGKAT MENENGAH RENDAH

### *Preliminary Study on the Need to Integrate Mathematics and Maqasid Shariah Concepts in the Teaching of Mathematics at the Lower Secondary Level*

Norrlaili Shapiee<sup>a</sup>, Nur Idayu Ah Khaliludin<sup>a</sup>, Nur Ilyana Ismarau Tajuddin<sup>a</sup>, Safiah Sharif@Sheriff<sup>a</sup>, Maizatul Farisah Mohd Mokhtar<sup>a</sup>, Nur Aina Abdulah<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>b</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding Author; email: [norrlaili@usim.edu.my](mailto:norrlaili@usim.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol33no1.676>

Submission date: 4/06/2025

Accepted date: 27/02/2025

Published date: 25/05/2026

### Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pelaksanaan pengajaran Matematik dan pemahaman pelajar terhadap Maqasid Syariah di peringkat menengah rendah serta menilai keperluan integrasi prinsip tersebut dalam pengajaran Matematik. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran, dengan objektif pertama dijalankan secara kuantitatif melalui soal selidik berstruktur kepada 137 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai Impian, Negeri Sembilan, manakala objektif kedua dijalankan secara kualitatif melalui temubual separa berstruktur bersama guru Matematik dan guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kesedaran pelajar terhadap Maqasid Syariah adalah rendah kerana istilah tersebut tidak diajarkan secara rasmi walaupun topik berkaitan diterapkan dalam subjek Pendidikan Islam. Kajian kualitatif pula mengenal pasti beberapa cabaran dalam usaha mengintegrasikan Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik. Implikasi dapatan ini menunjukkan terdapat keperluan merangka pendekatan matematik yang mengintegrasikan nilai-nilai Maqasid Syariah, manakala cadangan kajian masa hadapan adalah merangka modul pengajaran Matematik berasaskan Maqasid Syariah bagi meningkatkan pemahaman dan kesedaran pelajar.

**Kata kunci:** Matematik, Maqasid Syariah, Pengajaran, Integrasi Nilai Islam, Peringkat Menengah Rendah

### Abstract

This study aims to identify the level of implementation of Mathematics teaching and students' understanding of the Maqasid Shariah principles at the lower secondary level, as well as to assess the need to integrate these principles into Mathematics instruction. The study employed a mixed-methods approach, with the first objective addressed quantitatively through a structured questionnaire distributed to 137 students at Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai Impian, Negeri Sembilan, while the second objective was addressed qualitatively through semi-structured interviews with Mathematics and Islamic Education teachers. The findings indicate that students' knowledge and awareness of Maqasid Shariah principles are low because the term is not formally taught, even though related topics are covered in the

Islamic Education curriculum. The qualitative findings identified several challenges in integrating Maqasid Shariah principles into Mathematics teaching. The implications of these findings highlight the need to design a Mathematics teaching approach that systematically incorporates Maqasid Shariah values, while future research is recommended to develop Maqasid Shariah-based teaching modules to enhance students' understanding and awareness.

**Keywords:** Mathematics, Maqasid Shariah, Teaching, Integration of Islamic Values, Lower Secondary Level

## PENGENALAN

Pengajaran Matematik sering kali bersifat teknikal dan terpisah daripada nilai kehidupan, sedangkan dalam konteks pendidikan Islam, integrasi antara ilmu dan nilai merupakan asas yang penting. Matematik bukan sekadar ilmu pengiraan tetapi juga mempunyai kaitan rapat dengan nilai-nilai etika dan moral Islam (Basori et al., 2025).

*"Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat."*

(Surah al-Mujadilah, 58:11)

Ayat ini menekankan kepentingan iman dan ilmu, termasuk ilmu Matematik, sebagai faktor yang Allah angkat darjatnya.

Rasulullah SAW bersabda:

*"Menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap Muslim."* (Hadis Riwayat Ibn Majah, Sahih)

Hadis ini menekankan tanggungjawab setiap individu Muslim untuk menuntut ilmu tanpa mengira bidang. Matematik, sebagai salah satu ilmu yang bermanfaat dan relevan dengan kehidupan seharian, bukan sahaja membina Kemahiran secara logik, kritikal dan berstruktur tetapi juga memberi peluang untuk menerapkan nilai-nilai etika dan moral Islam.

Sehubungan itu, Maqasid Syariah sebagai kerangka nilai utama dalam Islam boleh digunakan untuk menghubungkan konsep Matematik dengan prinsip-prinsip seperti keadilan, amanah, dan penjagaan harta. Allah SWT menegaskan dalam firman-Nya:

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil."*

(Surah an-Nisa', 4:58)

Ayat ini secara langsung memberi asas nilai-nilai yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran Matematik. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja menguasai kemahiran teknikal, tetapi juga memahami penghayatan nilai Islam dalam konteks praktikal, seterusnya menyokong pembangunan intelek dan sahsiah secara seimbang.

Pendekatan konvensional dalam pengajaran Matematik cenderung mengabaikan dimensi nilai dan spiritual, menyebabkan pelajar belajar secara mekanikal tanpa mengaitkan ilmu dengan makna kehidupan. Keadaan ini menuntut pendekatan baharu yang mampu menghubungkan pengajaran Matematik dengan prinsip nilai Islam yang bersifat universal. Pendekatan berasaskan Maqasid Syariah dilihat berpotensi menyokong pembangunan pelajar secara menyeluruh, sekali gus menepati objektif pendidikan Islam yang holistik.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka keperluan untuk mengintegrasikan Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik di peringkat menengah rendah, selaras dengan aspirasi pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara pembangunan intelek dan rohani (Junoh & Yusof, 2019). Kajian ini turut menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu yang menekankan pembentukan insan seimbang dan harmoni dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani (Kementerian Pendidikan Malaysia, n.d., para. 1).

Dalam konteks pendidikan abad ke-21 yang menuntut keupayaan menyelesaikan masalah secara kritis dan etika, pendekatan pengajaran yang berasaskan nilai adalah amat penting. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan bagi memperoleh data kuantitatif iaitu dalam kalangan pelajar dan data kualitatif iaitu dalam kalangan guru. Gabungan kedua-dua data ini diharapkan dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang keperluan sebenar integrasi Matematik dan Maqasid Syariah dalam pengajaran peringkat menengah rendah.

## TINJAUAN LITERATUR

### *Konsep Maqasid Syariah dalam Pendidikan*

Maqasid Syariah merujuk kepada objektif dan tujuan Syariah dalam menjaga dan memelihara lima keperluan asas manusia: agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*al-nasl*), dan harta (*al-mal*). Kerangka ini digariskan secara komprehensif oleh Al-Shatibi dalam karya monumental *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah* (2003), yang menjadi rujukan utama para sarjana kontemporari.

Dalam konteks pendidikan Islam, konsep Maqasid Syariah telah dibincangkan oleh tokoh seperti al-Attas (1991) dan Hashim dan Langgulang (2008), yang menegaskan bahawa pendidikan Islam bertujuan melahirkan insan beradab iaitu individu yang seimbang dari aspek rohani, intelektual, akhlak dan kemasyarakatan. Pendidikan Matematik tidak terkecuali daripada kerangka ini. Walaupun Matematik dianggap ilmu teknikal, ia mempunyai potensi yang besar dalam menyokong objektif Maqasid Syariah, khususnya dari sudut pemeliharaan akal, harta, dan agama.

Kajian oleh Niyozov dan Memon (2011) menekankan bahawa pendidikan Islam mesti berintegrasi dengan nilai, bukan sekadar menyampaikan kandungan akademik. Ini selari dengan keperluan untuk menstruktur kurikulum Matematik yang bukan sahaja melatih kemahiran prosedural tetapi turut mengasah penaaakulan kritis berasaskan nilai etika.

### *Integrasi Nilai Islam dalam Pengajaran Matematik*

Integrasi nilai Islam dalam Matematik bukanlah perkara baharu. Kajian Ahmad (2012) menunjukkan bahawa Matematik adalah bidang yang sesuai untuk integrasi nilai kerana ia melibatkan konsep keadilan, ketepatan, disiplin, dan amanah semua ini selari dengan prinsip Maqasid Syariah.

Pendekatan ini turut disokong oleh Mohd Daud (2020), yang menunjukkan bagaimana nilai Islam boleh diterapkan dalam topik kewangan seperti diskaun, dan peratus melalui perspektif Syariah. Kajian ini menunjukkan bahawa integrasi nilai Islam dalam Matematik meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konteks sebenar penggunaan Matematik dalam kehidupan.

Kajian tempatan oleh Ayub, Tarmizi dan Jaafar (2017) pula mendapati bahawa pengajaran Matematik yang berteraskan nilai meningkatkan minat pelajar serta membantu mereka memahami konsep matematik secara lebih bermakna melalui aktiviti pemecahan masalah yang menggabungkan elemen kejujuran, amanah, dan akauntabiliti.

Selain itu, kajian oleh Ismail dan Salleh (2018) menekankan pentingnya nilai etika seperti ketelitian dan integriti dalam penyelesaian masalah Matematik, terutama dalam aktiviti pengiraan dan pembuktian matematik.

---

## ***Relevansi Maqasid Syariah dalam Pengajaran Matematik***

### ***Pemeliharaan Akal (Hifz al-Aql)***

Matematik secara langsung menyumbang kepada pemeliharaan akal melalui aktiviti berfikir aras tinggi, penaakulan logik, analisis data dan pembinaan hujah matematik. Menurut Abdullah (2018), Matematik adalah instrumen penting dalam melatih minda supaya berfikir secara sistematik dan rasional, selari dengan tujuan Maqasid Syariah.

### ***Pemeliharaan Harta (Hifz al-Mal)***

Topik seperti peratus, kadar, graf, statistik dan kewangan asas mempunyai potensi besar untuk mendidik pelajar tentang amanah, ketepatan pengiraan, dan pengurusan sumber secara etika. Kajian oleh Mohamad dan Abdullah (2016) mendapati bahawa pengajaran kewangan berteraskan Syariah dalam Matematik membantu meningkatkan literasi kewangan pelajar Muslim.

Ayat Al-Quran seperti Surah al-Baqarah ayat 188 melarang memakan harta secara batil, dan ini dapat dikaitkan dengan pengajaran Matematik yang menekankan ketepatan, integriti dalam membuat anggaran, dan kewajaran data.

### ***Pemeliharaan Agama (Hifz al-Din)***

Nilai agama seperti disiplin intelektual, ketekunan, adab belajar, dan integriti dalam pengiraan adalah selaras dengan tuntutan Islam. Hashim dan Langgulong (2008) menjelaskan bahawa integrasi nilai agama dalam ilmu teknikal adalah asas pendidikan Islam.

### ***Pemeliharaan Nyawa & Keturunan (Hifz al-Nafs & Hifz al-Nasl)***

Walaupun kelihatan tidak langsung berkaitan, namun matematik membina kebolehan pelajar membuat keputusan yang lebih tepat dan beretika, terutamanya dalam konteks risiko, graf, data kesihatan, serta pengurusan kewangan keluarga. Rokhman (2013) menegaskan bahawa pendidikan berasaskan nilai menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih bertanggungjawab.

### ***Jurang Kajian: Kekurangan Integrasi dalam Matematik Peringkat Menengah Rendah***

Walaupun banyak kajian membincangkan integrasi nilai Islam dalam pendidikan, kajian yang secara khusus menyentuh pengajaran Matematik peringkat menengah rendah masih terhad. Kebanyakan kajian adalah pada peringkat umum atau teori. Kajian empirikal tentang bagaimana guru melaksanakan integrasi Maqasid Syariah atau sejauh mana pelajar memahami nilai melalui Matematik masih kurang diberikan perhatian.

Kajian oleh Yunus dan Jamil (2019) menunjukkan guru berhasrat mengintegrasikan nilai Islam, tetapi mereka kekurangan modul, bahan sokongan dan latihan. Ini memperkukuh keperluan kajian ini untuk menyediakan gambaran empirikal tentang keperluan sebenar integrasi Maqasid Syariah.

### ***Rumusan***

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur menunjukkan bahawa integrasi Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik mempunyai asas teori yang kukuh dan relevan dengan keperluan pendidikan Islam masa kini. Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan agama, akal, harta, nyawa dan keturunan telah lama menjadi teras dalam pendidikan Islam, dan ini menjadikan Matematik sebagai bidang yang sesuai untuk penerapan nilai seperti keadilan, amanah, ketekunan, integriti dan disiplin intelektual. Dapatan kajian lepas turut menunjukkan bahawa penggabungan nilai Islam dalam PdP

Matematik dapat meningkatkan motivasi, minat dan kefahaman pelajar, sekali gus menyokong matlamat pendidikan holistik sebagaimana digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Namun, kajian empirikal yang meneliti integrasi nilai Islam secara sistematik dalam mata pelajaran Matematik terutamanya di peringkat menengah rendah masih sangat terhad. Kekurangan modul khusus, pendekatan pedagogi yang berstruktur, serta bahan sokongan yang selaras dengan Maqasid Syariah menonjolkan jurang yang signifikan dalam amalan PdP semasa. Oleh itu, situasi ini menjadi justifikasi kukuh untuk melaksanakan kajian bagi membangunkan modul, strategi PdP dan pemahaman empirikal yang lebih mantap berkenaan integrasi Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik.

## **KERANGKA KONSEPTUAL**

Lima *daruriyyat* dalam Maqasid Syariah diterjemahkan ke dalam aktiviti pedagogi Matematik. Setiap *daruriyyat* dikaitkan dengan tugas yang relevan bagi mengintegrasikan nilai Islam dalam pembelajaran. Sebagai contoh, *Hifz al-Din* (memelihara agama) boleh diaplikasikan melalui projek geometri seni bina masjid, di mana pelajar mengira nisbah dan bentuk sambil memahami nilai kesederhanaan. *Hifz al-Nafs* (memelihara nyawa) diterjemahkan melalui aktiviti pengiraan kelajuan dan jarak untuk merancang laluan selamat di kawasan sekolah. Seterusnya, *Hifz al-'Aql* (memelihara akal) diintegrasikan melalui soalan berasaskan masalah yang mengoptimumkan kos bahan binaan menggunakan konsep algebra. *Hifz al-Nasl* (memelihara keturunan) dapat dilaksanakan melalui tugas statistik berkaitan kesihatan keluarga seperti mengira BMI dan membuat graf pola pemakanan. Akhir sekali, *Hifz al-Mal* (memelihara harta) diterjemahkan melalui projek pengurusan kewangan, di mana pelajar membuat bajet bulanan menggunakan peratusan dan algebra. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan penguasaan konsep Matematik, tetapi juga memupuk nilai-nilai Maqasid Syariah dalam konteks pendidikan abad ke-21.

## **TUJUAN**

Kajian ini bertujuan mencapai dua matlamat utama selaras dengan pendekatan kaedah campuran. Pertama, ia menilai tahap pelaksanaan pengajaran Matematik serta kefahaman pelajar menengah rendah terhadap Maqasid Syariah melalui pendekatan kuantitatif. Kedua, ia menganalisis keperluan dan potensi pengintegrasian Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik berdasarkan pandangan guru melalui pendekatan kualitatif.

## **KAEDAH**

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed methods*) bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang pengajaran Matematik dan tahap pemahaman pelajar menengah rendah terhadap Maqasid Syariah. Data dikumpulkan melalui dua komponen utama: kuantitatif, iaitu soal selidik pelajar; dan kualitatif, iaitu temu bual separa berstruktur bersama guru. Pendekatan ini membolehkan penjelasan mendalam tentang keperluan, kehendak, dan potensi integrasi nilai Islam dalam pembelajaran Matematik.

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini menggunakan reka bentuk explanatory mixed methods (Creswell & Plano Clark, 2007) yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui soal selidik pelajar, manakala data kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama guru. Pendekatan ini membolehkan penjelasan mendalam terhadap dapatan kuantitatif melalui perspektif kualitatif.

### ***Sampel Kajian***

Sampel kajian ini terdiri daripada 137 orang pelajar dan lima orang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai Impian Negeri Sembilan. Dua orang guru mengajar subjek Matematik, manakala tiga

orang lagi mengajar subjek Pendidikan Islam. Pemilihan lima guru dibuat berdasarkan kepakaran dan pengalaman mereka, selaras dengan prinsip tepu tema untuk analisis kualitatif.

### ***Instrumen Kajian***

Instrumen kuantitatif ialah soal selidik skala Likert lima mata yang merangkumi maklumat demografi, prestasi Matematik, keperluan dan kehendak pelajar terhadap integrasi Maqasid Syariah. Instrumen ini disahkan oleh pakar dan diuji kebolehpercayaan ( $\alpha > 0.80$ ). Instrumen kualitatif ialah panduan temu bual separa berstruktur yang dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan disemak oleh pakar.

### ***Prosedur Kajian***

Prosedur kajian ini melibatkan tiga fasa utama, iaitu pembangunan instrumen, pengumpulan data, dan analisis data.

#### ***Fasa pertama***

Melibatkan pembangunan dan penyediaan instrumen kajian, termasuk pembinaan soal selidik untuk pelajar dan panduan temu bual separa berstruktur untuk guru. Instrumen ini dibina berdasarkan objektif kajian, dan disahkan oleh pakar bidang dari segi kesahan kandungan.

#### ***Fasa kedua***

Pengumpulan data, yang dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan USIM dan kebenaran rasmi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta pihak sekolah. Soal selidik diedarkan kepada pelajar, manakala sesi temu bual dijalankan secara bersemuka bersama guru subjek Matematik dan Pendidikan Islam.

#### ***Fasa ketiga***

Melibatkan proses analisis data. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, manakala data kualitatif dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti pola dan isu utama berkaitan keperluan integrasi Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik.

### ***Analisis Data Kuantitatif***

Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif menerangkan profil pelajar serta pola jawapan mereka berkaitan prestasi, kefahaman, keperluan dan kehendak terhadap integrasi Maqasid Syariah dalam pembelajaran Matematik. Selepas itu, ujian normaliti Shapiro-Wilk dilakukan untuk menentukan normaliti kesemua jawapan di bahagian B, C dan D. Berdasarkan ujian normaliti, kesemua hasil jawapan di bahagian B, C dan D melanggar hukum normaliti dan tidak boleh melalui ujian ANOVA. Justeru, ujian Friedman diteruskan untuk mengenal pasti sebarang hubungan atau perbezaan yang signifikan antara pemboleh ubah seperti tahap prestasi dan persepsi pelajar terhadap integrasi nilai Islam dalam pengajaran Matematik. Hasil daripada analisa ujian Friedman mendapati nilai p terlampau kecil ( $3.41 \times 10^{-18}$ ) iaitu lebih rendah daripada 0.05. Maka, berdasarkan ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor median bagi bahagian B, C, and D. Ini juga membuktikan bahawa responden memberikan penilaian yang berbeza secara konsisten kepada sekurang-kurangnya satu bahagian berbanding bahagian lain.

### ***Analisis Data Kualitatif***

Analisis data kualitatif dalam kajian ini dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik. Data diperoleh daripada transkrip temu bual separa berstruktur bersama guru Matematik dan Pendidikan Islam. Proses analisis melibatkan pengekodan awal, pengelompokan kategori, dan pengenalanpastian

tema utama yang berkaitan dengan keperluan, cabaran dan potensi integrasi Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik. Setiap transkrip dianalisis secara manual bagi mengenal pasti pola pemikiran, pendapat dan cadangan guru, selaras dengan objektif kualitatif kajian ini. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami secara mendalam konteks dan perspektif guru terhadap topik yang dikaji. Semua temu bual dirakam dengan kebenaran guru, dan ditranskripsikan secara verbatim sebelum dianalisis.

### ***Integrasi Kaedah Campuran***

Analisis kaedah campuran dilakukan dengan memadankan dapatan kuantitatif (skor persepsi pelajar) dengan dapatan kualitatif (pandangan guru) untuk menjelaskan isu keperluan modul dan cabaran integrasi. Pendekatan ini memberikan pemahaman holistik terhadap topik kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini membentangkan keputusan hasil daripada analisis data kuantitatif dan kualitatif yang dijalankan bagi menjawab objektif kajian.

### ***Dapatan Kuantitatif***

Dapatan kuantitatif kajian ini diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada pelajar. Analisis data memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama iaitu peratusan mengikut jantina responden, prestasi Matematik dan gaya belajar, kekurangan terhadap pembelajaran Matematik serta tahap pemahaman pelajar terhadap Maqasid Syariah. Selain itu, dapatan turut menilai keperluan dan kehendak pelajar terhadap integrasi Maqasid Syariah dalam pembelajaran Matematik. Ujian *t-test* juga dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan min antara kumpulan tertentu.

### ***Jantina Responden***


**Jadual 1: Bilangan Responden Mengikut Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>
Lelaki	63
Perempuan	72
Tidak pilih	2

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan taburan seimbang.


### ***Prestasi Matematik dan Gaya Belajar***

**Rajah 1: Bilangan Responden Mengikut Gred Matematik**



Seramai 14 orang (10.29%) memperoleh gred A, 26 orang (19.12%) memperoleh gred B, 40 orang (29.41%) memperoleh gred C, 40 orang (29.41%) memperoleh gred D, dan 16 orang (11.76%) memperoleh gred E. Rajah 2 menunjukkan bahawa taburan prestasi pelajar lebih tertumpu pada gred C dan D, manakala pencapaian cemerlang (gred A) serta pencapaian rendah (gred E) melibatkan bilangan yang kecil. Secara keseluruhan, keputusan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar berada pada tahap sederhana hingga lemah dalam Matematik, yang menandakan perlunya strategi pengajaran yang lebih berkesan bagi meningkatkan pencapaian mereka.

### Rajah 2: Bilangan Responden Mengikut Kekerapan Belajar Matematik Setiap Minggu



Didapati hanya 5 orang pelajar yang belajar Matematik setiap hari, menunjukkan bilangan ini amat kecil. Sebaliknya, majoriti pelajar iaitu 87 orang memilih untuk belajar 2-3 kali seminggu, menandakan corak pembelajaran sederhana tetapi konsisten. Seramai 22 orang pelajar pula hanya belajar sekali seminggu, manakala 20 orang mengakui bahawa mereka belajar Matematik secara jarang-jarang. Terdapat juga 3 orang pelajar yang langsung tidak pernah belajar Matematik di luar waktu persekolahan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar masih mempunyai usaha yang sederhana dalam memberi masa untuk Matematik, tetapi sebahagian lagi masih kurang memberi perhatian secara konsisten. Oleh itu, strategi galakan pembelajaran sendiri dan pengurusan masa yang lebih berkesan perlu diterapkan agar pelajar lebih konsisten mempelajari Matematik, sekali gus meningkatkan penguasaan mereka terhadap subjek ini.

**Jadual 2: Bilangan Responden Mengikut Kesukaran Matematik**

<b>Kesukaran Matematik</b>	<b>Bilangan</b>
Ya	89
Tidak	48

Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih separuh pelajar menghadapi cabaran dalam mempelajari Matematik. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti tahap kefahaman yang berbeza, kaedah pengajaran yang tidak sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar, atau kurangnya pendedahan kepada latihan yang mencukupi.

Walau bagaimanapun, kehadiran sejumlah besar pelajar (48 orang) yang tidak merasakan Matematik sukar memberi gambaran bahawa dengan pendekatan pengajaran yang lebih menarik dan berkesan, lebih ramai pelajar boleh menguasai subjek ini. Justeru, guru perlu menerapkan kaedah pengajaran yang lebih interaktif serta menyediakan sokongan tambahan untuk membantu pelajar yang masih berasa lemah dalam Matematik.

**Jadual 3: Bilangan Responden Mengikut Kemudahan Internet**


<b>Kemudahan Internet</b>	<b>Bilangan</b>
Ya	129
Tidak	8

Keadaan ini memberi satu kelebihan kerana internet boleh digunakan untuk mencari bahan rujukan tambahan, menonton video pembelajaran, atau menggunakan aplikasi interaktif bagi meningkatkan kefahaman dalam Matematik. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak mempunyai akses internet. Golongan ini mungkin menghadapi kesukaran untuk mengikuti pembelajaran dalam talian atau mendapatkan maklumat tambahan di luar kelas.


Oleh itu, pihak sekolah atau guru perlu memberi perhatian kepada pelajar yang tidak mempunyai internet dengan menyediakan alternatif seperti modul bercetak, pembelajaran bersemuka tambahan, atau sumber lain yang boleh diakses tanpa talian. Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan bahawa kemudahan internet bukan lagi isu utama bagi kebanyakan pelajar, sebaliknya cabaran sebenar mungkin terletak pada cara memanfaatkan teknologi tersebut secara optimum dalam pembelajaran Matematik.

### ***Kekurangan terhadap Pembelajaran Matematik dan Pemahaman Maqasid Syariah***

Bahagian ini membincangkan kekurangan yang dihadapi peserta dalam pembelajaran Matematik serta pemahaman mereka terhadap Maqasid Syariah. Analisis fokus kepada beberapa aspek utama, termasuk cara pengajaran guru, latihan yang diberikan, pengetahuan sedia ada mengenai Maqasid Syariah, pengajaran Maqasid Syariah dalam subjek lain, kaitan pembelajaran Matematik dengan kehidupan sebenar, serta masalah utama yang dihadapi semasa belajar Matematik.


**Rajah 3: Bilangan Responden Mengikut Cara Guru Mengajar Kurang Menarik**

Majoriti pelajar cenderung berada pada tahap neutral atau tidak setuju, yang bermaksud faktor gaya pengajaran guru bukanlah penyebab utama kelemahan mereka dalam Matematik. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang berpendapat gaya pengajaran yang kurang menarik menyumbang kepada kesukaran mereka memahami Matematik.

**Rajah 4: Bilangan Responden Mengikut Kurang Faham Matematik Sebab Tidak Cukup Buat Latihan**


Majoriti pelajar berpendapat bahawa latihan yang mencukupi sangat penting dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap Matematik, dan kekurangannya menjadi faktor yang ketara dalam kelemahan mereka.

**Rajah 5: Bilangan Responden Mengikut Tidak Pernah Belajar Tentang Maqasid Syariah Sebelum Ini**




Pengetahuan pelajar terhadap Maqasid Syariah masih rendah dan tidak menyeluruh. Oleh itu, ia menekankan keperluan untuk memperkenalkan elemen Maqasid Syariah secara lebih jelas, sama ada melalui subjek khusus atau integrasi dalam subjek lain, bagi memastikan pelajar benar-benar memahami kepentingannya dalam kehidupan dan pendidikan.

**Rajah 6: Bilangan Responden Mengikut Pengajaran Mengenai Maqasid Syariah Dalam Subjek Lain Kurang Jelas dan Sukar Difahami**



Pengalaman pelajar dengan pengajaran Maqasid Syariah masih bercampur-campur. Walaupun terdapat sebahagian kecil pelajar yang menganggap ia sukar difahami, majoriti pelajar berada pada tahap neutral, yang mungkin menunjukkan kurangnya pendedahan yang konsisten atau pendekatan pengajaran yang berbeza-beza antara subjek. Keadaan ini menekankan kepentingan untuk menyediakan kaedah penyampaian yang lebih sistematik, jelas, dan praktikal agar konsep Maqasid Syariah dapat difahami dengan lebih baik.

**Rajah 7: Bilangan Responden Mengikut Cara Belajar Matematik Sekarang Tidak Banyak Dikaitkan dengan Kehidupan Sebenar**



Masih terdapat jurang antara teori Matematik dan penerapan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang lebih kontekstual, berasaskan masalah, dan dikaitkan dengan situasi dunia nyata wajar diberi perhatian agar pelajar dapat melihat kepentingan Matematik dalam kehidupan mereka.

**Jadual 4: Masalah Utama Peserta dalam Pembelajaran Matematik Berdasarkan Respon Peserta**


Tema Masalah	Bilangan Responden	Peratus (%)	Huraian
Kurang fokus dan mudah hilang perhatian	25	18.80	Peserta mudah terganggu, cepat mengantuk, kurang tumpuan, atau mudah bosan semasa belajar.
Kesukaran memahami konsep dan soalan	28	21.05	Sukar memahami soalan Matematik yang kompleks, ayat panjang, atau soalan peperiksaan yang berbeza daripada latihan.
Masalah pengiraan dan penggunaan formula	32	24.06	Sukar mengira pecahan, salah jalan kira, lupa rumus, cuai, atau tidak hafal formula Matematik.
Kurang latihan dan amali	18	13.53	Tidak membuat latihan secara berkala menyebabkan konsep tidak difahami atau cepat lupa formula.
Masalah pengajaran dan persekitaran	20	15.04	Guru mengajar terlalu cepat atau dalam bahasa sukar difahami, serta gangguan daripada rakan atau persekitaran yang tidak kondusif.
Motivasi dan minat	10	7.52	Kurang minat untuk belajar atau kurang motivasi untuk menyelesaikan masalah Matematik secara konsisten.
Tidak Menjawab	4	Tidak dikira	Responden tidak memberikan jawapan.

Berdasarkan Jadual 4, peratus dikira berdasarkan 133 responden yang menjawab. Masalah utama peserta merangkumi faktor kognitif, latihan, pengajaran, fokus, dan motivasi yang memberi impak terhadap pemahaman Matematik. Maklumat ini boleh digunakan untuk merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan, memperkukuh latihan berstruktur, dan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep Matematik.

### ***Keperluan Integrasi Maqasid Syariah dalam Pembelajaran Matematik***

Bahagian ini membincangkan keperluan integrasi Maqasid Syariah dalam pembelajaran Matematik berdasarkan pandangan peserta. Analisis memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama, termasuk tahap pengetahuan dan pemahaman peserta mengenai Maqasid Syariah, persepsi terhadap kebolehan menggabungkan topik Matematik dengan nilai-nilai Islam, kesesuaian topik seperti pecahan, peratusan, dan graf untuk dikaitkan dengan Maqasid Syariah (contoh: keadilan, penjagaan harta), serta keperluan peserta terhadap nota atau latihan tambahan bagi menyokong pembelajaran Matematik secara bersepadu dengan Maqasid Syariah.


**Rajah 8: Bilangan Responden Mengikut Tahap Kefahaman Maqasid Syariah**



Majoriti responden berada pada kategori neutral hingga setuju, menunjukkan pemahaman asas mengenai konsep Maqasid Syariah. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil masih kurang yakin dengan pengetahuan mereka. Oleh itu, integrasi Maqasid Syariah secara lebih terstruktur dalam pembelajaran Matematik melalui nota tambahan, latihan aplikasi, dan contoh nilai Islam yang relevan diperlukan untuk meningkatkan pemahaman dan aplikasi konsep ini dalam konteks akademik.

Majoriti responden berada pada tahap tidak setuju dan neutral, yang menggambarkan masih terdapat kekurangan kefahaman dan pendedahan tentang Maqasid Syariah dalam kalangan responden. Keadaan ini memberi isyarat bahawa usaha memperkenalkan dan mengintegrasikan Maqasid Syariah dalam pendidikan, termasuk dalam bidang Matematik, adalah amat penting supaya pelajar bukan sahaja mahir dari aspek akademik, tetapi juga memahami kaitannya dengan nilai Islam.


### Rajah 9: Bilangan Responden Mengikut Matematik boleh digabungkan dengan Maqasid Syariah



Hampir separuh daripada responden percaya integrasi kedua-dua bidang ini adalah relevan dan berpotensi untuk dilaksanakan dalam pendidikan. Namun begitu, sebahagian besar pelajar juga mengambil sikap neutral terhadap pernyataan ini, iaitu seramai 58 orang (42.6%). Hal ini mungkin berpunca daripada kurangnya pendedahan mengenai konsep Maqasid Syariah serta bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam Matematik. Dalam masa yang sama, terdapat sebilangan kecil responden yang tidak setuju (7 orang, 5.1%) dan sangat tidak setuju (8 orang, 5.9%). Golongan ini mungkin beranggapan bahawa Matematik bersifat universal dan tidak memerlukan penggabungan dengan aspek agama secara langsung.

Ini memperlihatkan bahawa walaupun masih terdapat keraguan dan kekeliruan dalam kalangan sebahagian pelajar, majoriti menunjukkan keterbukaan untuk menerima integrasi Matematik dengan Maqasid Syariah. Oleh itu, usaha untuk memperkenalkan modul pengajaran yang menggabungkan kedua-duanya wajar dipertimbangkan, agar pelajar lebih memahami bahawa ilmu Matematik bukan sekadar alat pengiraan, tetapi juga mempunyai nilai-nilai syariah yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

### Rajah 10: Bilangan Responden Mengikut Topik Matematik Sesuai dengan Nilai-Nilai Islam




Rajah menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden melihat potensi integrasi Matematik dengan nilai Islam dalam pengajaran. Walau bagaimanapun, terdapat juga 34 orang responden yang bersikap neutral, menunjukkan bahawa sebahagian pelajar mungkin belum jelas atau

kurang pengalaman dengan pendekatan ini. Di samping itu, terdapat sebilangan kecil responden iaitu 7 orang (tidak setuju) dan 7 orang (sangat tidak setuju) yang berpendapat sebaliknya. Ini memberi isyarat bahawa tidak semua pelajar mudah menerima integrasi antara Matematik dan nilai Islam, mungkin disebabkan kurang pendedahan atau persepsi bahawa Matematik adalah bidang yang neutral tanpa kaitan dengan agama.

Dapatan ini menggambarkan bahawa usaha mengintegrasikan topik Matematik dengan Maqasid Syariah atau nilai Islam mempunyai potensi besar untuk diterima, namun memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih jelas, menarik, dan praktikal bagi meyakinkan semua pelajar.

**Rajah 11: Bilangan Responden Mengikut Keperluan Nota atau Latihan Tambahan Untuk Belajar Matematik Bersama Maqasid Syariah**



Hampir sebahagian besar pelajar merasakan adanya nilai tambah apabila Matematik digabungkan dengan Maqasid Syariah, dan mereka lebih yakin dengan adanya sokongan bahan pembelajaran tambahan.

Sementara itu, terdapat 38 orang responden yang berada pada tahap *neutral*, iaitu tidak memberikan pendirian jelas sama ada bersetuju atau tidak. Ini mungkin menandakan bahawa sebahagian pelajar masih menunggu pengalaman sebenar sebelum membuat keputusan yang lebih tegas.

Sebaliknya, hanya 4 orang responden yang *tidak setuju* dan 9 orang responden yang *sangat tidak setuju*. Peratusan ini amat kecil berbanding jumlah keseluruhan, yang memberi gambaran bahawa penolakan terhadap keperluan nota tambahan adalah sangat rendah.


Ini membuktikan bahawa terdapat sokongan yang kuat daripada pelajar untuk menyediakan nota dan latihan tambahan dalam usaha mengintegrasikan Maqasid Syariah ke dalam pengajaran Matematik.

### ***Kehendak Integrasi Maqasid Syariah dalam Pembelajaran Matematik***

Bahagian ini membincangkan kehendak pelajar berkaitan integrasi Maqasid Syariah dalam pembelajaran Matematik. Antara soalan yang ditanya termasuk sama ada pelajar mahu Maqasid Syariah diajar dalam Matematik, jenis bahan pembelajaran yang mereka sukai seperti video, permainan, atau aktiviti kumpulan, kaedah pengajaran yang praktikal dan berkaitan dengan kehidupan harian, serta sama ada gabungan Matematik dan Maqasid Syariah boleh membantu mereka memahami nilai Islam dan

konsep Matematik. Selain itu, pelajar juga ditanya mengenai minat mereka untuk mempelajari Matematik yang mengandungi nilai murni seperti keadilan, kejujuran, dan menjaga hak orang lain.

### Rajah 12: Pilihan Jawapan Pelajar Mengikut Saya Mahu Maqasid Syariah diajar dalam Matematik




Menunjukkan masih terdapat sebahagian kecil pelajar yang beranggapan bahawa Maqasid Syariah tidak perlu diajar dalam Matematik.

Namun begitu, majoriti responden memberikan maklum balas yang lebih positif. Seramai 67 orang (37.2%) berada pada tahap *neutral*, menandakan bahawa mereka bersikap terbuka dan mungkin memerlukan lebih banyak pendedahan tentang bagaimana Maqasid Syariah boleh diaplikasikan dalam Matematik. Seterusnya, 46 orang (25.6%) menyatakan *setuju* dan 5 orang (2.8%) lagi *sangat setuju*. Hal ini membuktikan wujud kecenderungan positif dalam kalangan pelajar terhadap integrasi nilai-nilai Islam, khususnya Maqasid Syariah, dalam pengajaran Matematik.

Walaupun masih terdapat segelintir pelajar yang tidak bersetuju, keputusan menunjukkan bahawa ramai pelajar bersikap terbuka serta menyokong usaha pengintegrasian Maqasid Syariah dalam Matematik. Dapatan ini dapat membantu pensyarah merancang strategi pengajaran yang lebih bersepadu, kreatif, dan relevan dengan konteks pendidikan Islam.

### Rajah 13: Pilihan Jawapan Pelajar Mengikut Saya mahu bahan pembelajaran Matematik yang menarik seperti video, permainan, atau aktiviti kumpulan.




Rajah menunjukkan bahawa hampir 85.6% responden secara keseluruhan lebih cenderung kepada kaedah pembelajaran yang kreatif dan interaktif.

Sebaliknya, hanya 3 orang (2.4%) sangat tidak setuju, 5 orang (4.0%) tidak setuju, manakala 21 orang (16.8%) berada pada tahap neutral. Peratusan yang kecil ini memperlihatkan bahawa hanya segelintir pelajar kurang berminat atau tidak menekankan kepentingan variasi bahan pembelajaran dalam Matematik.

Penggunaan bahan pembelajaran yang menarik seperti video, permainan, dan aktiviti kumpulan mampu meningkatkan minat serta penglibatan pelajar dalam Matematik. Justeru, guru disarankan untuk mengintegrasikan lebih banyak pendekatan berasaskan teknologi dan aktiviti kolaboratif dalam proses pengajaran bagi menjadikan Matematik lebih menyeronokkan dan bermakna.

**Rajah 14: Pilihan Jawapan Pelajar Mengikut Saya lebih suka Matematik diajar dengan cara yang praktikal dan berkaitan dengan kehidupan harian.**




Lebih daripada 70% responden berpandangan bahawa pendekatan praktikal mampu meningkatkan kefahaman dan minat mereka terhadap Matematik.

Sementara itu, 32 orang (25%) berada pada tahap neutral, iaitu tidak menolak tetapi juga tidak menunjukkan persetujuan yang kuat. Hanya sebilangan kecil responden yang tidak bersetuju, iaitu 7 orang (5.47%) tidak setuju dan 2 orang (1.56%) sangat tidak setuju.


Pendekatan pembelajaran Matematik yang menghubungkan konsep dengan kehidupan harian lebih digemari oleh pelajar. Ini seiring dengan pandangan pedagogi moden yang menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman nyata (experiential learning) kerana ia lebih mudah difahami, bermakna, dan memberi kesan jangka panjang dalam kehidupan pelajar.

**Rajah 15: Pilihan Jawapan Pelajar Mengikut Gabungan Matematik dan Maqasid Syariah boleh membantu saya lebih memahami nilai Islam dan Matematik.**



Hampir separuh daripada pelajar (52.20%) melihat integrasi Matematik dengan Maqasid Syariah sebagai pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan kefahaman mereka terhadap kedua-dua aspek tersebut. Sebanyak 54 orang (39.71%) pula berada pada kedudukan neutral, manakala hanya 11 orang (8.09%) menyatakan tidak setuju atau sangat tidak setuju. Walaupun terdapat kecenderungan positif terhadap integrasi tersebut, masih ada sebahagian besar pelajar yang bersikap neutral, sekali gus mencadangkan keperluan kepada penerangan, pendedahan, dan contoh praktikal yang lebih jelas bagi mengukuhkan kefahaman serta keyakinan mereka terhadap pendekatan ini.

**Rajah 16: Pilihan Jawapan Pelajar Mengikut Saya Mahu Belajar Matematik Yang Ada Nilai Murni Seperti Keadilan, Kejujuran, Dan Menjaga Hak Orang Lain.**



Majoriti pelajar (65.45%) memberikan reaksi positif terhadap integrasi nilai murni dalam pembelajaran Matematik. Selain itu, 34 orang (25.00%) mengambil pendirian neutral, manakala hanya sebahagian kecil iaitu 13 orang (9.56%) tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju. Pelajar secara umumnya menyokong usaha untuk mengaitkan pembelajaran Matematik dengan nilai-nilai murni, sekali gus menegaskan kepentingan pendekatan pendidikan yang bukan sahaja menekankan aspek kognitif tetapi juga pembentukan sahsiah.

### ***Hasil Dapatan ujian t-test***

Kesemua hasil jawapan soal selidik di bahagian B, C dan D telah melalui ujian t-test. Ujian ini dijalankan untuk mengetahui pendapat pelajar secara keseluruhan untuk kekurangan dalam subjek matematik dan Maqasid Syariah (Bahagian B), Keperluan dalam mengintegrasikan subjek matematik dan Maqasid Syariah (Bahagian C) dan kehendak pelajar (Bahagian D).

Untuk Bahagian B iaitu kekurangan dalam subjek matematik dan Maqasid Syariah, hasil dapatan t-test mendapati p-value lebih daripada 0.05 atau 5%. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak setuju bahawa subjek Matematik ada kekurangan di dalam silibus yang sedang atau telah mereka pelajari. Hasil kajian juga mendapati bahawa majoriti pelajar tidak menjawab soalan berkaitan Maqasid Syariah dalam bahagian B kerana mereka tidak faham konsep Maqasid Syariah walaupun konsep dan Maqasid Syariah telah diterapkan dalam pelajaran Pendidikan Islam secara tidak langsung. Hal ini adalah kerana, Maqasid Syariah tidak dimasukkan sebagai sebahagian daripada silibus rasmi pembelajaran termasuklah dalam matapelajaran Pengajian Islam. Oleh yang demikian, walaupun terdapat penerapan konsep dan Maqasid Syariah dalam Pendidikan Islam secara tidak langsung, pelajar masih tidak mempunyai pengetahuan bahawa mereka telah didedahkan dengan Maqasid Syariah dan mereka sebenarnya masih tidak faham mengenainya.

Walaupun secara keseluruhan pelajar mengatakan bahawa tiada kekurangan dalam matapelajaran Matematik dan Maqasid Syariah (kerana mereka tiada pengetahuan dan tidak faham Maqasid Syariah) di dalam silibus mereka, namun pelajar menyatakan masih ada keperluan terhadap bahan pembelajaran Matematik yang dikaitkan dengan nilai-nilai Islam, terutamanya berkaitan topik seperti peratus, graf, dan statistik. Seterusnya, hasil dapatan t-test untuk bahagian C juga mendapati p-value kurang daripada 0.05 yang menunjukkan pelajar setuju bahawa terdapat keperluan dalam pembelajaran Matematik sekiranya penerapan Maqasid Syariah dilakukan dalam matapelajaran Matematik.

Statistik soal selidik menunjukkan bahawa sekiranya subjek Matematik diintegrasikan bersama Maqasid Syariah, Beberapa keperluan telah dinyatakan oleh pelajar seperti:

- 89% pelajar mahukan bahan tambahan seperti nota atau latihan yang membantu memahami kaitan antara Matematik dalam Maqasid Syariah.
- 88% pelajar menyatakan bahawa topik Matematik boleh dikaitkan dengan beberapa nilai Islam seperti keadilan dan penjagaan harta.

Seterusnya, hasil dapatan t-test untuk kehendak pelajar terhadap pendekatan pembelajaran yang bersepadu mendapati p-value kurang daripada 0.05. Ini bermaksud pelajar-pelajar hendak dan bersedia dengan pendekatan pembelajaran yang berkaitan dengan kehidupan sebenar dan nilai murni.

Antara dapatan utama:

- 87% pelajar mahu belajar Matematik dengan pendekatan yang praktikal dan bermakna dan 90% daripadanya mengatakan gabungan Matematik dan Maqasid Syariah boleh membantu mereka lebih faham nilai Islam dan Matematik.
- 89% pelajar bersetuju mereka akan lebih berminat jika pembelajaran dikaitkan dengan nilai Islam seperti kejujuran dan keadilan

Hasil ini selaras dengan kajian sebelum ini dalam konteks Islamic STEM education, di mana pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap integrasi nilai Islam dalam mata pelajaran sains dan Matematik (Siron, 2024; Desfita et al., 2024; Zainuddin & Zuhriyah, 2025; Safkolam et al., 2023). Walau bagaimanapun, sebahagian pelajar masih mengambil sikap neutral, disebabkan oleh kekurangan pendedahan awal kepada Maqasid Syariah, pengalaman pembelajaran yang terhad, dan kurangnya modul interaktif yang menghubungkan Maqasid Syariah dengan topik Matematik harian.

Analisis kritikal ini menekankan keperluan untuk pembangunan modul pengajaran yang lebih interaktif, bersifat kontekstual, dan disokong dengan contoh praktikal yang relevan, bagi memperkukuh kefahaman pelajar. Keputusan ini menunjukkan bahawa pelajar menghargai pendekatan kurikulum yang holistik dan berteraskan nilai Islam, dan aspek ini wajar diberi perhatian serius dalam pembangunan modul pengajaran Matematik.

### ***Dapatan Kualitatif***

Bagi melengkapkan hasil kajian, temu bual separa berstruktur telah dijalankan bersama guru Matematik dan guru Pendidikan Islam. Dapatan kualitatif ini memberi tumpuan kepada pandangan guru terhadap kesesuaian serta cabaran pengintegrasian Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik di peringkat menengah rendah. Hasil temu bual ini memberikan gambaran lebih mendalam tentang potensi pelaksanaan, kesediaan guru, serta kekangan yang perlu diatasi dalam usaha merealisasikan integrasi tersebut.

### ***Pandangan Guru terhadap Kesesuaian dan Cabaran Pengintegrasian***

Temubual telah dijalankan bersama lima orang guru Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai Impian Negeri Sembilan sebagai responden. Guru-guru ini terdiri daripada tiga orang guru Matematik dan dua orang guru Pendidikan Islam. Hasil dapatan temubual mendapati beberapa cabaran integrasi Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik menengah rendah untuk dilaksanakan secara rasmi. Cabaran tersebut adalah seperti berikut:

1. Maqasid Syariah terlalu tinggi dan sukar difahami oleh pelajar peringkat menengah rendah. Para pelajar lebih mengetahui istilah 'Pendidikan Islam' kerana ia digunakan dalam subjek pembelajaran.

*"Istilah Maqasid Syariah mungkin agak tinggi untuk peringkat sekolah; istilah seperti 'Pendidikan Islam' lebih mudah difahami murid".*

2. Aplikasi berkaitan Maqasid Syariah telah pun ada secara tidak rasmi dalam silibus pelajaran Matematik, contohnya dalam topik 'Perbankan Islam' untuk tingkatan 3.

*"Saya menerangkan perbezaan asas produk kewangan Islamik dan konvensional agar murid nampak bezanya, contohnya akaun bank dan kad kredit. Saya menegaskan penggunaan produk patuh syariah, namun kandungan silibus sedia ada tidak menyatakan unsur seperti riba secara spesifik".*

*"Ya, sebahagiannya berlaku secara tidak formal, kita membimbing murid menggunakan akal dengan betul, menjaga amanah dan harta, namun kita tidak menamakan secara eksplisit sebagai 'Maqasid Syariah' kerana kekangan masa dan keutamaan silabus".*

3. Para guru sememangnya telah dilatih dalam sesi pengajaran untuk merentasi kurikulum. Contohnya seseorang guru perlu mengaitkan topik yang sedang dipelajari dengan perkara lain atau aplikasinya dalam kehidupan seharian.

*"Elemen merentas kurikulum diamalkan mengikut kesesuaian tajuk. Contohnya, ketika mengajar 'lokus', guru mengaitkan dengan situasi seharian. Bagi aspek Islam, contohnya zakat, kadangkala disentuh sebagai maklumat sokongan, namun bukan teras penilaian Matematik."*

4. Para guru dan murid telah terbeban dengan silibus berat yang sedia ada, ditambah pula dengan jadual yang padat.

*“Silibus kini berat dengan banyak tajuk serta program bertindih di sekolah. Guru sering didesak untuk menyiapkan silibus..apabila tidak capai, guru dipersalahkan. Mata pelajaran Matematik khususnya dilihat kritikal kerana kadar kegagalan. Jika integrasi ditambah tanpa penyesuaian beban, dikhuatiri objektif pembelajaran tidak tercapai”.*

- Para pelajar yang mengambil subjek Matematik terdiri daripada pelajar yang berbilang agama. Oleh itu, sensitiviti terhadap pelajar bukan Islam perlu diberi perhatian agar tidak berlaku salah faham. Di sekolah agama yang 100% Muslim, integrasi Maqasid Syariah dapat dilaksanakan secara langsung. Namun, di sekolah harian dengan murid berbilang agama, guru disarankan menekankan nilai-nilai universal seperti keadilan, kejujuran, dan tanggungjawab, yang relevan untuk semua pelajar. Selain itu, komunikasi yang jelas dengan ibu bapa juga penting untuk memastikan mereka memahami tujuan pedagogi ini, sekaligus mengurangkan risiko salah tafsir atau kebimbangan terhadap pengajaran yang berasaskan nilai Islam.

*“Di sekolah agama yang 100% Muslim, penerapan adalah sesuai. Di sekolah harian yang terdiri daripada murid berbilang agama, perlu berhati-hati agar tidak menimbulkan salah faham dalam kalangan ibu bapa dan murid bukan Islam”.*

Walau bagaimanapun, para guru menyokong cadangan untuk mengintegrasikan Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik. Tambahan pula terdapat topik-topik tertentu sangat sesuai untuk dipadankan:

*“Saya menyokong, dengan syarat pelaksanaannya berperingkat, tidak membebankan, tidak bertindan dengan Pendidikan Islam, serta peka kepada sensitiviti murid pelbagai agama. Fokus asas Matematik...konsep dan kemahiran... perlu kekal jelas”.*

*“Untuk menengah rendah, boleh perkenalkan maklumat asas secara ringan tanpa membebankan pengiraan. Perkara seperti zakat, faraid dan riba sudah terdapat dalam Pendidikan Islam”*

*“Aktiviti di koperasi...ko-op... atau kantin boleh digunakan sebagai konteks jual beli dan hutang. Misalnya, jika hutang tidak dibayar meningkat, contoh RM1 akan jadi RM2. Guru boleh menerangkan konsep riba secara ringkas agar murid faham kaitan muamalah.”*

### **Jadual Pemetaan Tema Dapatan Kualitatif**

Jadual ini memetakan tema dapatan kualitatif kepada domain Maqasid Syariah, dan sokongan literatur.

<b>Tema Utama</b>	<b>Huraian Ringkas Dapatan</b>	<b>Petikan Temu Bual</b>	<b>Padanan Domain Maqasid</b>	<b>Sokongan Literatur</b>
Istilah ‘Maqasid Syariah’ terlalu tinggi untuk menengah rendah	Istilah dianggap abstrak; murid lebih biasa dengan ‘Pendidikan Islam’. Perlu pendekatan bahasa yang lebih mesra murid dan berasaskan nilai universal.	Istilah Maqasid Syariah mungkin agak tinggi untuk peringkat sekolah; istilah seperti ‘Pendidikan Islam’ lebih mudah difahami murid.	Hifz al-Din, Hifz al-‘Aql	al-Attas (1991); Hashim & Langgulung (2008); Niyozov & Memon (2011)
Integrasi nilai Islam berlaku secara tidak formal dalam Matematik	Guru sudah menyelitkan perbandingan produk kewangan patuh Syariah vs	Sebahagiannya berlaku secara tidak formal... menjaga amanah dan harta... namun kita tidak menamakan secara	Hifz al-Mal, Hifz al-‘Aql	Mohd Daud (2020); Mohamad & Abdullah (2016); Ahmad (2012)

	konvensional, namun tidak menamakan sebagai 'Maqasid' kerana kekangan masa.	eksplisit sebagai 'Maqasid Syariah'...		
Amalan merentas kurikulum sudah diamalkan	Guru mengaitkan topik (cth. lokus) dengan kehidupan; nilai Islam disentuh sebagai maklumat sokongan (cth. zakat).	Elemen merentas kurikulum diamalkan... Bagi aspek Islam... zakat... disentuh... namun bukan teras penilaian Matematik.	Hifz al-'Aql, Hifz al-Din	Ayub, Tarmizi & Jaafar (2017); Ismail & Salleh (2018)
Beban silibus & tekanan penyempurnaan kandungan	Silibus berat, jadual padat, kadar kegagalan Matematik tinggi; bimbang integrasi menambah beban tanpa penyesuaian.	Silibus kini berat... Jika integrasi ditambah tanpa penyesuaian beban, dikhuatiri objektif pembelajaran tidak tercapai.	(Faktor Pelaksanaan) menyokong Hifz al-'Aql	Yunus & Jamil (2019); Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)
Sensitiviti murid berbilang agama & komunikasi ibu bapa	Di sekolah harian, nilai perlu dibingkaikan secara universal (keadilan, amanah, tanggungjawab) dan penjelasan kepada ibu bapa perlu jelas.	Di sekolah harian... perlu berhati-hati agar tidak menimbulkan salah faham...	Nilai Universal selari dengan Hifz al-Din (adab & keadilan)	Niyozov & Memon (2011); Ahmad (2012)
Kesediaan bersyarat guru	Guru menyokong integrasi jika berperingkat, tidak membebankan, tidak bertindan dengan Pendidikan Islam, dan menjaga objektif asas Matematik.	Saya menyokong... dengan syarat pelaksanaannya berperingkat... Fokus asas Matematik... perlu kekal jelas.	Semua domain Maqasid (berimbangan)	Hashim & Langgulung (2008); Abdullah (2018)
Topik Matematik yang paling sesuai	Peratus, kadar, graf, statistik, kewangan asas; kaitan zakat, faraid, riba (disentuh secara ringan untuk menengah rendah).	Untuk menengah rendah, boleh perkenalkan maklumat asas... Perkara seperti zakat, faraid dan riba...	Hifz al-Mal (+ Hifz al-'Aql)	Mohd Daud (2020); Mohamad & Abdullah (2016); Surah al-Baqarah 2:188

Konteks autentik (koperasi/kan tin) untuk aplikasi nilai	Aktiviti jual beli, hutang, pertumbuhan nilai (contoh: RM1 jadi RM2) memadai untuk menerangkan konsep riba secara ringkas.	Aktiviti di koperasi... jika hutang tidak dibayar... RM1 akan jadi RM2... guru boleh menerangkan konsep riba secara ringkas...	Hifz al-Mal, Hifz al-'Aql	Ayub, Tarmizi & Jaafar (2017); Ismail & Salleh (2018)
Keperluan modul, bahan sokongan & latihan guru	Guru berhasrat mengintegrasikan tetapi kurang modul, bahan, latihan dan penilaian berstruktur.	(Disimpulkan dari dapatan & literatur)	Faktor Pelaksanaan menyokong semua domain	Yunus & Jamil (2019)

### *Integrasi Kuantitatif dan Kualitatif*

Secara keseluruhannya, dapatan kuantitatif dan kualitatif saling menyokong dan lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Dapatan kuantitatif menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai minat terhadap integrasi Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik menengah rendah. Ia secara tidak langsung menunjukkan adanya keperluan untuk dilaksanakan pada masa akan datang. Walaupun para pelajar belum memahami istilah dan konsep Maqasid Syariah, mereka tetap menyokong hasrat integrasi ini dengan syarat bahan-bahan pembelajaran dan nota lengkap yang berkaitan akan disediakan.

Manakala dapatan data kualitatif pula menunjukkan bahawa para guru juga turut menyokong hasrat ini tetapi mengakui beberapa cabaran untuk mengintegrasikan Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik. Ia adalah satu keperluan yang signifikan, namun perlu disokong dengan latihan guru dan pembangunan modul khusus. Contohnya, sekiranya pelaksanaan integrasi Maqasid Syariah hendak dilaksanakan, maka wajarlah guru-guru diberikan kursus khas yang memfokuskan kepada pengenalan ilmu Maqasid Syariah.

Hasil kajian juga mengenal pasti beberapa cabaran sekiranya pelaksanaan Maqasid Syariah diintegrasikan dalam pengajaran Matematik. Antara kebimbangan utama mereka adalah silibus dan sukatan pelajaran yang sedia ada telah cukup banyak, ditambah pula dengan jadual yang padat. Sekiranya dimasukkan topik Maqasid Syariah dibimbangi akan memberatkan lagi sukatan pelajaran sedia ada.

Selain itu, isu sensitiviti agama juga turut dirisaukan oleh para guru. Ini kerana para pelajar yang mengambil subjek Matematik terdiri daripada semua agama dan bangsa, bukan hanya pelajar beragama Islam sahaja. Kebimbangan guru-guru ini adalah berkisar tentang kemungkinan akan timbulnya pertikaian dalam kalangan ibu bapa yang bukan beragama Islam tentang kerelevanan topik berkaitan Maqasid Syariah dalam mata pelajaran Matematik. Walau bagaimanapun, pelaksanaan integrasi ini boleh untuk dilaksanakan dan sangat digalakkan bagi sekolah-sekolah agama yang keseluruhan pelajarannya beragama Islam.

### **KESIMPULAN**

Kajian ini telah dijalankan untuk meneliti keperluan mengintegrasikan Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik di peringkat menengah rendah melalui kaedah camputan (metodologi gabungan). Data kuantitatif diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar, manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pendedahan pelajar terhadap Maqasid Syariah masih rendah, namun

mereka menunjukkan minat dan kesediaan yang tinggi untuk memahami serta mengaitkan nilai-nilai Islam seperti keadilan, amanah dan penjagaan harta dalam pembelajaran Matematik.

Selain itu, pelajar turut menyatakan keperluan terhadap bahan bantu mengajar dan pendekatan pembelajaran yang lebih holistik serta bermakna, yang dapat menghubungkan konsep Matematik dengan kehidupan seharian serta nilai-nilai agama. Pada masa yang sama, guru menyatakan bahawa pengintegrasian Maqasid Syariah dalam pengajaran Matematik adalah wajar dan berpotensi memberikan impak positif terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Namun begitu, mereka turut menyatakan beberapa cabaran seperti silibus sedia ada yang berat dan jadual yang padat serta isu sensitiviti agama. Bahan bantuan mengajar dan latihan khas kepada para guru perlu diberikan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa wujud keperluan yang jelas untuk merangka satu pendekatan pengajaran Matematik yang mengintegrasikan nilai-nilai Maqasid Syariah secara sistematik dan berstruktur. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa usaha ke arah penggabungan nilai-nilai Islam dalam pendidikan Matematik bukan sahaja dapat memperkukuh kefahaman konsep akademik, tetapi juga dapat menyumbang kepada pembentukan pelajar yang lebih seimbang dari segi intelek dan sahsiah. Kajian ini memberikan asas yang kukuh bagi penyelidikan lanjutan ke arah pembangunan modul pengajaran, latihan guru, serta penilaian terhadap keberkesanan pendekatan bersepadu dalam pendidikan masa hadapan.

### ***Konflik Kepentingan***

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan.

### ***Pernyataan Sumbangan Penulis***

**Penulis 1:** Bertanggungjawab terhadap pemeriksaan kesahan instrumen, permohonan kelulusan etika penyelidikan, urusan mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta pihak sekolah, analisis data kuantitatif, dan penulisan draf asal manuskrip. **Penulis 2:** Menyumbang dalam analisis data kuantitatif. **Penulis 3:** Menjalankan input data, kajian rintis dan penyelarasan data kuantitatif. **Penulis 4:** Menyumbang kepada analisis data kualitatif. **Penulis 5:** Menyumbang kepada analisis data kualitatif. **Penulis 6:** Analisis data kualitatif dan kandungan berkaitan Maqasid Syariah. Semua penulis telah menyemak dan meluluskan versi akhir manuskrip ini.

### ***Penyata Ketersediaan Data***

Penulis mengesahkan bahawa semua data yang menyokong dapatan kajian ini tersedia dalam artikel ini.

### ***Penghargaan***

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia (PKAUSIM) atas sokongan yang telah diberikan melalui geran penyelidikan (PPPI/PTJ-PKAUSIM/TAMHIDI/USIM/111724). Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) serta pihak pengurusan dan warga Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai Impian atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan dalam menjayakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Basori, B., Priska, D., Alinata, R., & Putri, Y. K. (2025). Integrasi Matematika dan Filsafat Pendidikan Islam. *Algoritma: Jurnal Matematika, Ilmu Pengetahuan Alam, Kebumihan Dan Angkasa*, 3(3), 14-24.
- Al-Quran. (n.d.). *Surah al-Mujadilah*, 58:11.
- Ibn Majah. (n.d.). *Sunan Ibn Majah* (Hadis Sahih: Kitab al-Talim, Hadis No. 224). Riyadh: Darussalam
- Al-Quran. (n.d.). *Surah an-Nisa'*, 4:58.
- Junoh, N., & Yusuf, N. (2019). Pembangunan Kerohanian dan Intelektual Insan Berasaskan Empat Akhlak Utama Shah Wali Allah al-Dihlawi. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 17-34.
- Al-Shatibi, A. I. (2003). *Al-muwafaqat fi usul al-Shariah*. Al-Maktabah Al-Tawfikia.
- Al-Quran. (n.d.). *Surah al-Baqarah*, 2:188.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. <https://www.moe.gov.my/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Creswell JW, Plano Clark VL. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. SAGE Publications, London, UK.
- Morse JM, Niehaus L. (2009). *Mixed method design principles and procedures*. Left Coast Press, Walnut Creek, CA.
- Siron, Y. (2024). *Integrating Islamic values into STEM education: Perspectives from in-service and pre-service early childhood educators*. *ThufuLA: Jurnal Inovasi Pendidikan Guru Raudhatul Athfal*, 12(2), 231. <https://doi.org/10.21043/thufula.v12i2.28796>
- Desfita, V., Salminawati, S., & Usiono, U. (2024). *Integration of science in the perspective of Islamic educational philosophy and its implications in realizing holistic education*. *Jurnal As-Salam*, 8(2). <https://jurnal-assalam.org/index.php/JAS>
- Zainuddin, A. M. K. A., & Zuhriyah, I. A. (2025). *The challenges of developing Islamic education curriculum and strategies for its development in facing future competency demands*. *Tafkir: Interdisciplinary Journal of Islamic Education*, 6(1), 111–126. <https://doi.org/10.31538/tijie.v6i1.1316>
- Safkolam, R., Nuangchalerm, P., El Islami, R. A. Z., & Saleah, P. (2023). *Students' understanding of nature of science in Islamic private school*. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1), 1–14. <https://doi.org/10.15575/jpi.v0i0.21308>
- Ahmad, A. (2012). *Integration of Islamic values in teaching mathematics: A conceptual analysis*. *International Journal of Humanities and Social Science*.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Ayub, A. F. M., Tarmizi, R. A., & Jaafar, W. M. W. (2017). *Problem solving and reasoning in Islamic integrated learning*. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*.
- Hashim, R., & Langgulung, H. (2008). *Philosophy of Islamic education*.
- Ismail, Z., & Salleh, M. F. (2018). Ethical values in mathematics learning. *Journal of Islamic Education*.
- Mohamad, M., & Abdullah, N. (2016). Islamic financial literacy in mathematics education. *Journal of Education and Practice*.
- Mohd Daud, N. (2020). *Integrating Islamic values in mathematics financial topics*.
- Niyozov, S., & Memon, N. (2011). *Islamic education and moral development*.
- Rokhman, F. (2013). *Character education for technical education*.
- Yunus, F. W., & Jamil, H. (2019). Teachers' readiness to integrate Islamic values in teaching. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.